

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 JUN 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sebanyak 91 akaun bank skim MFace club berjumlah RM177 juta dibeku	BERNAMA
2.	KPDNKK lumpuh skim Mface Club	Berita Harian
3.	91 akaun bernilai RM177j dibeku	Utusan Malaysia
4.	RM177m Frozen	The Sun
5.	91 Accounts with RM177m frozen	New Straits Times
6.	Clear drives ahead as rains to end	The Star



Sebanyak 91 Akaun Bank Skim MFace Club Berjumlah RM177 juta Dibeku

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Sebanyak 91 akaun bank membabitkan skim Mface Club berjumlah RM177 juta dibekukan kerana terlibat dalam aktiviti skim piramid, kata Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Datuk Mohd Roslan Mahayudin.

Ia susulan operasi yang dijalankan pada Isnin lepas (29 Mei) yang dikenali sebagai "Ops Token" melibatkan serbuan di tiga premis kediaman dan dua premis di sekitar Lembah Klang serta satu di sebuah pusat beli belah di Pulau Pinang, katanya.

"Daripada 91 akaun bank yang dibekukan, 43 akaun di bawah nama syarikat dan 48 akaun selebihnya milik individu membabitkan lapan buah bank berlainan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Mohd Roslan berkata serbuan ke atas skim Mface Club yang dipercayai beroperasi sejak lima ke enam tahun itu, dilaksana di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993) dan akta yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Operasi itu diselaraskan Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara (NRRET) dari Jabatan Peguam Negara dan diketuai Bahagian Penguatkuasa, KPDNKK, yang turut disertai BNM, SSM, Polis DiRaja Malaysia dan Cybersecurity Malaysia, katanya.

Beliau berkata ketika serbuan pelbagai dokumen, maklumat transaksi kewangan, peralatan komputer dan beberapa barangan mewah dan berjenama turut dirampas termasuk dua jongkong emas, beg tangan berjenama, jam tangan berjenama dan barang kemas.

"Tiada tangkapan dibuat setakat ini," katanya, sambil menambah skim MFace Club dikendalikan oleh Kumpulan MBI International.

Aktiviti skim MFace Club adalah dengan menawarkan enam pakej berharga serendah US\$100 sehingga US\$5,000, dengan menawarkan pulangan pelaburan yang tinggi dan turut mengkehendaki setiap ahli mencari dua ahli baru menyertainya, kata beliau.

Mohd Roslan berkata siasatan kini dibuat di bawah Seksyen 4 AJLSAP 1993 iaitu menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen dan Seksyen 27B, mempromosi atau menyebabkan supaya dipromosikan skim piramid.

BNM turut menjalankan siasatan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan

SSM di bawah Akta Syarikat 2016, katanya.

Katanya berdasarkan maklumat dan bukti diperoleh semasa serbuan, skim itu dan syarikat tersebut disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 iaitu melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram dan memperoleh, menerima, memiliki hasil daripada aktiviti haram tersebut.

Jelasnya penguatkuasaan secara bersepadu itu menyasarkan tindakan lebih menyeluruh bukan sahaja terhadap pengendali tetapi juga terhadap penganjur serta pelabur yang tidak bertanggungjawab ekoran daripada penglibatan mereka dalam skim berkenaan.

-- BERNAMA

KPDNKK lumpuh skim Mface Club

91 akaun skim piramid
bernilai RM177 juta dibeku

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my
Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) membekukan 91 akaun bank bernilai RM177 juta, selepas melumpuhkan skim piramid, Mface Club, yang bertapak Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Pengarah Penguatkuasa KPDNKK, Datuk Mohd Roslan Mahayudin, berkata Ops Token pada Isnin lalu, dibuat dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM); Polis Diraja Malaysia (PDRM); Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Pejabat Peguam Negara.

Beliau berkata, operasi bersepadu itu membabitkan enam serbuan terhadap lima kediaman di sekitar Lembah Klang dan sebuah kompleks beli-belah di Pulau Pinang.

"Susulan operasi ini, sebanyak 91 akaun dengan simpanan berjumlah RM177 juta dibekukan atas kesalahan mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

"KPDNKK turut merampas barangan berharga seperti jongkong emas, beg tangan, pen, jam tangan dan batu jed, sebagai bahan bukti

untuk siasatan mengikut Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Seksyen Konsumerisme KPDNKK, Khalid Tik; Ketua Seksyen Pengubahan Wang Haram KPDNKK, Mohd Khairi Jamaludin dan Penolong Pengarah Kanan Seksyen Konsumerisme KPDNKK, Ridzuan Khamis.

Belum ada tangkapan

Mohd Roslan berkata, setakat ini pihaknya belum membuat tangkapan individu yang mendalangi skim piramid berkenaan tetapi sudah mempunyai dokumen serta bukti bagi mendakwa mereka di mahkamah.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang membuat siasatan lanjut untuk menentukan sama ada barangan berharga yang dirampas daripada premis yang diserbu, tulen atau tiruan.

"Penguatkuasaan secara bersepadu ini menyasarkan tindakan lebih menyeluruh, bukan hanya terhadap pengendali, malah turut membabitkan penganjur dan pelabur yang terlibat dalam skim ini," katanya.

Difahamkan, modus operandi sindiket berkenaan ialah menawarkan enam pakej pelaburan bermula serendah AS\$100 (RM428) hingga mencecah AS\$5,000 (RM21,405) berbentuk wang pengiklanan untuk paparan dalam la-

man internet.

Peserta pelaburan dijanjikan ganjaran berbentuk mata, berdasarkan berapa ramai yang melihat iklan berkenaan, manakala mata yang diperoleh boleh digunakan bagi pembelian barangan dan saham yang ditawarkan sindiket itu.

Pada 22 Mei lalu, BNM menyenaraikan syarikat yang mempunyai pejabat di kompleks beli-belah terbabit dan dikaitkan dengan sindiket berkenaan dalam senarai pemantauannya, berikutan skim pelaburan yang ditawarkan.

Skim ditawarkan syarikat berkenaan, bukan setakat disertai peserta dalam negara, malah turut menarik penyertaan pelabur dari China.



Mohd Roslan (dua dari kiri) menunjukkan barangan yang disita dalam Ops Token di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang pada sidang media di Putrajaya, semalam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 1 JUN 2017 (KHAMIS)

Serbuan dan siasatan terhadap skim piramid Mfc Club

91 akaun bernilai RM177j dibeku

Oleh **KAMIL MASLIH**
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 31 MEI**

OPS Token yang diselaraskan Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara (NR-RET), Jabatan Peguam Negara yang diketuai Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) membekukan 91 akaun bank bernilai RM177 juta dalam serbuan terhadap pengendali skim piramid, Mfc Club atau Mface Club, kelmarin.

Tindakan pembekuan 43 akaun syarikat dan 48 akaun individu yang mempunyai kaitan dengan MBI Group International itu dibuat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) berdasarkan maklumat dan bukti yang diperoleh semasa serbuan

tersebut.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNKK, Datuk Mohd. Roslan Mahayudin berkata, operasi bersepadu yang melakukan serbuan di enam lokasi itu turut melibatkan penyertaan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Cybersecurity Malaysia.

Katanya, seramai 93 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi terbabit dalam serbuan terhadap tiga kediaman dan dua premis perniagaan di Lembah Klang serta satu serbuan di M Mall Pulau Pinang.

"Dalam serbuan tersebut, pelbagai dokumen, maklumat transaksi kewangan, peralatan komputer dan beberapa barangan mewah dan berjenama tu-



MOHD. ROSLAN MAHAYUDIN

rut dirampas untuk siasatan termasuk dua unit jongkong emas, beg tangan berjenama dan barang kemas jed.

"Dalam operasi tersebut, tiada tangkapan dibuat setakat ini, kita akan memanggil mereka yang terlibat untuk diambil keterangan dalam waktu terdekat ini," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Mohd. Roslan, siasatan dibuat pihaknya di bawah Seksyen 4 Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 kerana menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen serta Seksyen 27B Akta yang sama kerana mempromosikan atau menyebabkan dipromosikan skim piramid.

"Selain itu, BNM turut menjalankan siasatan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

dan SSM menjalankan siasatan mengikut Akta Syarikat 2016

"Penguatkuasaan secara bersepadu ini menyasarkan tindakan yang lebih menyeluruh bukan sahaja terhadap pengendali tetapi juga terhadap penganjur serta para pelabur yang tidak bertanggungjawab," katanya yang menasihatkan MBI Group International untuk tidak menjalankan operasi sehingga siasatan dilengkapkan.

Difahamkan, skim piramid tersebut terbahagi kepada enam pakej daripada serendah AS\$100 (RM340) sehingga AS\$5,000 (RM21,400) dengan pelabur-pelaburnya boleh mendapat wang pengiklanan daripada laman web *Mfc Club* serta mata yang boleh digunakan pembelian barangan dan saham.

Tegas Roslan, pihaknya ingin mengingatkan orang ramai supaya tidak menyertai skim-skim yang menjanjikan pulangan, kadar faedah atau keuntungan yang tinggi dan tidak realistik.

RM177m FROZEN

> 91 bank accounts
of companies
and individuals linked
to MBI blocked

BY HAIKAL JALIL
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: Ninety-one bank accounts with a total of RM177 million linked to digital currency provider MBI have been frozen by the authorities following a raid code-named "Ops Token" on Monday. Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry enforcement

director Datuk Mohd Roslan Mahayudin (pix) said 48 of the bank accounts belonged to individuals, and the rest were owned by companies linked to MBI.

He said the move to freeze the accounts



was made as the parties concerned were suspected of having committed offences under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

"The Act deals with those who were directly or indirectly involved in transactions involving revenue from illegal activities," he told a press conference

TURN TO PAGE 03 ►

'No arrests made as case is still under investigation'



Branded watches, handbags, rings and gold bars were among the items seized.

► FROM FRONT PAGE

yesterday.

"In relation to this, a total of 91 bank accounts amounting to RM177 million have been frozen," he said.

A multi-agency team had mounted raids on six premises in the Klang Valley and Penang connected to MBI, including its office on the top floor of M Mall shopping centre in George Town.

The joint operation, coordinated by the National Revenue Recovery Enforcement Team of the Attorney-General's Chambers, was led by the ministry's enforcement arm.

Other agencies involved in the raids included Bank Negara Malaysia (BNM), police, Companies Commission of Malaysia (SSM) and Cybersecurity Malaysia.

Mohd Roslan said during the raids, the team seized various documents, details of financial transactions, computers and several luxury items such as branded watches, handbags and gold bars.

He confirmed no arrests were made during the raids as the case is still under investigation.

"We have not decided yet on the action to be taken against those involved.

"For now, we are gathering evidence from items acquired during the raids and will decide on further action later."

However, he said those suspected of being involved in the case are under surveillance by authorities and will be summoned to have their statements recorded.

"Whoever is related to this case and whom we think can assist our investigations will be summoned," he said.

The raids on MBI, which issues "Mcoin" digital currency usable for purchase of goods, came in the wake of enforcement action against money game company JJ Poor To Rich.

Mohd Roslan said the raids on the premises were conducted following complaints from the public as well as reports published in the media.

He said the raids were conducted under the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 as well as various laws under the purview of BNM and SSM.

"Investigations are being done under Section 4 of the Act for running a direct-selling business without a licence, and Section 27B for promoting or causing the business to be promoted as a pyramid scheme," he added.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT
TARIKH : 1 JUN 2017 (KHAMIS)

MBI GROUP INTERNATIONAL

91 ACCOUNTS WITH RM177M FROZEN

Accounts linked to
43 firms and 48
individuals

MELISSA DARLYNE CHOW
PUTRAJAYA
darlyne@nst.com.my

THE authorities have frozen about RM177 million in 91 bank accounts linked to a local company under investigation for dubious schemes.

This follows a joint operation launched by the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry and four other agencies against MBI Group International in Penang and the Klang Valley on Monday.

The ministry's enforcement director, Datuk Mohd Roslan Mahayudin, said yesterday that the

accounts, which are with eight banks, are linked to 43 companies and 48 individuals.

Roslan said the accounts were frozen based on information and evidence obtained in six raids in a joint operation dubbed Op Token, which involved Bank Negara Malaysia, police, Companies Commission of Malaysia and CyberSecurity Malaysia.

The company is being investigated for running illegal activities under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

"In the raid, documents, information on financial transactions, computer equipment, and several luxury and branded items were seized.

"These included two gold bars, branded handbags, branded watches and jade jewellery.

"No arrests have been made so far. Investigations are also being



Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry enforcement director Datuk Mohd Roslan Mahayudin (second from left) showing the seized items at the ministry in Putrajaya yesterday.

carried out under Section 4 of the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 for operating a direct-selling business without a licence, and Section 27B of the same act for promoting or causing to be promoted a pyramid scheme," he said.

MBI International Sdn Bhd and Mface International Sdn Bhd, companies under MBI Group International, were among 302 companies flagged by Bank Negara Malaysia for involvement in unlicensed activities on May 22.

In one of the schemes run by the company, "members" would get virtual coins for money they invested.

After a year, members can convert the coins into points to spend at several services and retail establishments under MBI by

downloading a mobile application and using it to make payments.

The points can be used at affiliated companies, including a supermarket, restaurants, a gym and even a durian stall.

On why no one has been arrested, Roslan said: "We will decide later on the issue of taking action. We will detain those responsible. We already have the information.

"They are being watched. When the time comes, we will call them in to have their statements recorded," he said.

On the issue that the mall under the company in Penang was still operating, Roslan urged the operator of the premises to stop operations while investigations were ongoing.

In George Town, it was still business as usual at the mall run by the company at Penang Times Square here. Checks by the *New Straits Times* yesterday afternoon found that it was fairly empty.

An employee, who spoke on condition of anonymity, said they had not been notified of the possible closure following the freezing of the bank accounts.

"We are just here to work. We know nothing. No one from the higher-ups have told us anything," said the woman in her 20s.

Another employee at one of the stores in the mall said they were still accepting the Mcoins from investors.

Several investors were seen at the mall's counter on the ground floor but declined to talk to the press.

Clear drives ahead as rains to end

MetMalaysia: Dry weather expected soon in Klang Valley

PETALING JAYA: The downpours causing flash floods in parts of the Klang Valley are expected to give way to dry weather this month, said the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

While the southwest monsoon, which started on May 17, was generally associated with lower rainfall in Peninsular Malaysia and Sarawak, the reduction was a gradual process, said MetMalaysia director-general Alui Bahari.

"The current wet weather is forecast to gradually subside, starting this month, after the wind patterns of the southwest monsoon strengthen and become uniform.

"From June, the amount of rainfall in the Klang Valley will gradually reduce," Alui said.

Despite heavy rain in the evenings the past week, data from meteorological stations in Klang Valley for last month showed that

the rainfall was within normal levels, he said.

He added that the dry weather expected to start this month was not expected to be severe.

Alui said the southwest monsoon was expected to last until September and will be followed by the intermonsoon period beginning October.

During that period, the west coast of the peninsula, including the Klang Valley, will experience thunderstorms, especially in the evenings.

According to the MetMalaysia website, there are four seasons in Malaysia - southwest monsoon (May to September), northeast monsoon (early November to March), and the intermonsoon periods.

The northeast monsoon tends to bring heavy rain to the east coast of peninsular Malaysia, the western part of Sarawak, and the northeast of Sabah.



Water hazard: Traffic grinds to a halt during a flash flood near Jalan Duta.